

17/03/2002

Malaysia mahu Russia jadi kuasa besar dunia

Ahmad Rejal Arbee

MOSCOW: Malaysia menyuarkan hasrat agar kekuasaan di dunia diperimbangkan supaya tidak wujud suasana yang mana hanya sebuah negara mendominasi segala-galanya sebagaimana sekarang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap Russia di bawah pimpinan Presiden Vladimir Putin boleh menjadi sebuah kuasa yang dihormati seperti dahulu.

Putin, katanya, adalah seorang pemimpin yang tegas dan kuat yang ingin mengembalikan kedudukan Russia sebagai kuasa besar dunia.

Menjawab satu soalan pada sidang media pada akhir lawatan empat harinya ke Russia semalam, beliau mengakui suasana sekarang yang mana hanya sebuah negara menguasai dan mempengaruhi segala perkembangan geopolitik sejagat tidak diinginkan.

Soalan itu menyatakan bahawa Amerika Syarikat kini bertindak sewenangnyanya sebagai sebuah negara saja yang berkuasa di dunia dan apakah Russia di bawah pimpinan Putin tidak boleh menjadi sebuah kuasa besar semula bagi mengimbangi kekuasaan Amerika.

Dr Mahathir berkata setiap apa pun di dunia perlu kepada perimbangan.

Perimbangan antara kuasa-kuasa memang sudah wujud sejak dahulu. Tetapi apabila berlaku keadaan hanya satu kuasa yang berpengaruh, kuasa itu akan bertindak tanpa bertimbang rasa terhadap orang lain.

Tanpa menyebut Amerika, Dr Mahathir berkata sekiranya Russia boleh mengimbangi kekuasaan negara lain, ia adalah satu perkembangan positif yang memberi peluang kepada negara-negara kecil memilih mana-mana satu kuasa yang ia mahu menyokong.

Dengan itu tiada lagi wujud suatu kuasa yang boleh bertindak tanpa mengambil kira perasaan orang lain kerana keadaan ini akan menentukan kedua-dua negara berkelakuan lebih baik dan sopan.

Manusia, katanya, dicipta dengan mempunyai dua biji mata bagi membolehkan mereka melihat dengan baik. Sekiranya manusia hanya mempunyai satu mata, dia boleh jatuh tangga.

Ditanya kemungkinan Malaysia membeli jet pejuang Russia, Dr Mahathir berkata beliau telah melihat kebolehan jet SU-30 dan sekiranya Malaysia membeli jet itu, ia perlu diubah suai mengikut keperluan pertahanan negara.

Mengenai hasil lawatan empat hari di sini, Dr Mahathir berpuas hati dan mencapai kejayaan dengan keazaman kedua-dua negara bekerjasama dengan lebih erat dalam pelbagai bidang.

Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah berlepas ke Dusseldorf, Jerman tengah hari semalam (waktu tempatan) untuk meneruskan lawatan rasminya ke Jerman.

(END)